

18 JUL 2003

Keputeraan-Pingat/embargo

GABENOR SUMATERA BARAT DAN RAJA ALIAS DAHULUI SENARAI PENERIMA PINGAT
YAM TUAN NEGERI SEMBILAN

SEREMBAN, 18 Julai (Bernama) -- Gabenor Sumatera Barat, Sutan Zainal Bakar, dan bekas pengerusi FELDA, Tan Sri Raja Muhammad Alias Raja Mohd Ali, mendahului senarai 884 penerima pingat dan darjah kebesaran sempena ulang tahun ke-81 Hari Keputeraan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar, esok.

Mereka dianugerahkan Darjah Seri Utama Negeri Sembilan (SPNS) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama.

Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Wira Mohd Shahrom Nordin, dan menantu Tuanku Ja'afar, Datin Seri Tunku Mimi Wahida Tunku Wahman dikurniakan Darjah Seri Paduka Tuanku Ja'afar Yang Amat Terpuji (SPTJ) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Tiga Anggota Exco Kerajaan Negeri adalah antara 27 orang yang menerima Darjah Datuk Setia Negeri Sembilan (DSNS) yang membawa gelaran Datuk.

Mereka terdiri Zakaria Nordin, Norhayati Omar dan T. Rajagopalu.

Yang lain termasuk Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Bahau, See Ah Kow, Ketua Umno Bahagian Rasah, Datuk Mohamad Hasan, Ketua Pengarah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Abdul Mutallib Jelani, Pengarah Perisikan, Badan Pencegah Rasuah, Abdul Malek Sheikh Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif TM Net Sdn Bhd Baharum Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif, Bioven Holdings Sdn Bhd Datuk Mukhriz Mahathir, Timbalan Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia Prof Dr Md Ikram Mohd Said, Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari) UKM Prof Dr Hood Mohd Salleh, Pengarah The Store, Tang Yeam Soon, dan Ketua Pengarah Kemas, Shagul Hamid Abdullah.

Seramai 31 orang pula menerima Darjah Datuk Paduka Tuanku Ja'afar (DPTJ) yang turut membawa gelaran Datuk.

Antara mereka ialah Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan Pertama, Abdul Mutalib Alias, Ketua Pegawai Eksekutif TV3 Ahmad Farid Ridzuan, Setiausaha Sulit Tuanku Ja'afar Abdullah Abas, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri R. Batumalai, Penasihat Undang-undang Pulau Pinang Hinshawati Shariff, Pengarah Urusan Taman Ekar Sdn Bhd, Cheok Kian Yek, Ketua Pegawai Eksekutif Salcon Engineering (M) Bhd Lim See Teok, pelakon veteran, Mustapa Azahari Maarof, Pakar Telinga, Hidung dan Tekak, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) Prof Dr Balwant Singh Gendeh dan Pengarah Tanco Resort, Tan Lee Sing.

Antara 27 penerima Darjah Setia Negeri Sembilan (DNS) ialah Ketua Wanita Umno Teluk Kemang, Rohani Yaacob, Pengetua Sekolah Tengku Ampuan Durah, Datin Kamsiah Saabin, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Mahdan Bongkik, Pengarah Bandar Baru Nilai Development Sdn Bhd, Ng Moh Chee, Ketua Polis Daerah Tampin, Supt Abdul Wahab Azizul Hassan, dan Ketua Pengarah Risda Abd Rahman Ali.

Sebanyak 22 orang dikurniakan Pingat Pekerti Terpilih (PPT) dan mereka termasuk Ketua Polis Daerah Seremban, ACP Abd Khalid Abu Hassan, Pegawai Daerah Jempol, Abdul Hafidz Yusof, Ketua Majalah Wanita, Maimunah Mohd Yusof, Pengurus Negeri Road Stone Sdn Bhd Badiuzzaman Harun, Pengarah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Negeri, Ismail Ibrahim dan Bendahari Persatuan Bolasepak Negeri Sembilan Mohd Bahari Abd Rahman.

Sebanyak 22 orang dilantik Jaksa Pendamai termasuk Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Lobak, Khoo Seng Hock, anggota dewan itu kawasan Rantau Abdul Ghani Hassan, Ketua Pemuda Umno Bahagian Seremban, Mohd Nor Awang, bekas Setiausaha Umno Bahagian Tampin, Razali Abdul Jalil dan

Timbalan Pengerusi Tetap Umno Bahagian Teluk Kemang, Mohd Taf Hassan.

Antara 122 penerima Ahli Setia Negeri Sembilan (ANS) ialah Ketua Puteri Umno Negeri Sembilan, Bibi Sharliza Mohd Khalid, Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri, Yaakob Rantau, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri ACP Mohmad Salleh, Ketua Polis Daerah Jempol Supt Mohd Faisal Shahrawi, Pengarah Biro Tatanegara, Zahari Long, Pegawai Penerangan Perkim Negeri Sembilan yang juga wartawan sambilan Bernama, Adamshah Sindut, Pengarah Jabatan Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat Negeri, Baharin Idris, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas Ibrahim Embi dan Ketua Pemuda Umno Tampin, Jamlus Aziz.

Imam Besar Masjid Negeri, Iswaji Ihsan, pakar forensik Hospital Seremban, Dr Sharifah Safoorah Syed Alwee Alaidrus, dan juruhebah Radio Malaysia Negeri Sembilan, Adam Tahir adalah antara 247 orang penerima Pingat Khidmat Cemerlang Masyarakat.

Sebanyak 360 orang termasuk wartawan Utusan Malaysia di Negeri Sembilan Ainul Asniera Ahsan dan jurugambar China Press, Oh Tuang Seng dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (PJK), manakala 22 orang dianugerahkan Pingat Khidmat Lama (PKL).

--BERNAMA

APG BK MAI